

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.06.2014**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah tahap perlaksanaan dasar '*Outcome-Based Budgeting*' sepertimana yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2014.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan *Outcome Based Budgeting* atau OBB di sektor awam diperkenalkan melalui Pekeliling

Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2012. OBB memberi fokus kepada pentingnya pencapaian outcome dan keberkesanan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan penjanaan output yang ditekankan di bawah Sistem Belanjawan Diubahsuai (*Modified Budgeting System* – MBS) sebelum ini.

2. Semua agensi Kerajaan Persekutuan telah mengguna pakai pendekatan OBB mulai tahun 2013 dalam membuat perancangan prestasi dan menyediakan cadangan belanjawan tahunan masing-masing. Memandangkan tahun 2013 hingga 2015 merupakan tempoh peralihan kepada OBB, beberapa dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2014 Kementerian Kewangan akan terus bekerjasama dengan enam (6) kementerian lagi iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menambah baik kualiti data Kerangka Keberhasilan masing-masing supaya memenuhi keperluan OBB. Pada masa yang sama, proses pemantauan prestasi ke atas tiga (3) kementerian iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Kementerian Kesihatan sebagaimana yang dinyatakan semasa pembentangan Bajet 2014 akan juga dilaksanakan pada tahun ini.